

NAMA : _____

KELAS : _____

ARAHAN : Jawab semua soalan.

Tiap-tiap soalan diikuti **empat** pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Soalan 1 hingga Soalan 20

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.


1. _____ Puan Rosliza yang kemas dan cantik itu menarik perhatian saya.

- A Nyanyian
- B Masakan
- C Pakaian
- D Tarian

2. "Bolehkah _____ tolong belikan saya pensel?" tanya Ah Seng kepada Kumar.

- A aku
- B awak
- C kami
- D beta

Soalan 3 berdasarkan gambar 1.




Gambar 1

3. Azman menolong jirannya _____ buluh untuk dijadikan pencucuk sate.

- A meraut
- B menghiris
- C menarah
- D menganyam

Soalan 4 berdasarkan gambar 2.



Gambar 2

4. Buah-buahan tempatan sungguh _____ dan harganya pula berpatutan.
- A kelat
 - B tawar
 - C manis
 - D masam

Soalan 5 berdasarkan gambar 3.



Gambar 3

5. Puan Chin _____ bayinya di dalam sebuah tab mandi.
- A dimandikan
 - B memandikan
 - C permandian
 - D bermandikan

Soalan 6 berdasarkan gambar 4.



Gambar 4

6. Puan Hajar duduk di atas sofa lalu _____ kerana kepenatan.
- A berlunjur
 - B bersimpuh
 - C bercangkung
 - D bersila
7. Kerani itu menaip surat _____ berbual-bual dengan rakan sepejabatnya.
- A lalu
 - B sambil
 - C supaya
 - D apabila
8. Bengkel Soalan KBAT Bahasa Melayu itu telah dihadiri oleh para guru _____ Sabah dan Sarawak.
- A daripada
 - B hingga
 - C sampai
 - D dari
9. Banglo lama itu merupakan antara banglo _____ di kawasan tersebut.
- A terbesar
 - B dibesarkan
 - C membesar
 - D kebesaran

10. 'Masukkan se _____ garam ke dalam sup itu,' kata Mak Cik Mariatie kepada Sunita.
- A cuit
 - B cubit
 - C colet
 - D genggam
11. Keluarga Encik Wong seronok _____ di kawasan air terjun yang popular itu.
- A ulang-alik
 - B lalu-lalang
 - C mundar-mandir
 - D mandi-manda
12. _____ itu sedang memperagakan pakaian yang cantik di atas pentas.
- A Sukarelawati
 - B Pramugari
 - C Olahragawati
 - D Peragawati
13. Setiap pagi Pak Seman berbasikal mengelilingi kampung untuk _____ sayur-sayuran yang ditanam olehnya.
- A penjaja
 - B menjaja
 - C dijaja
 - D penjajaan

14. Encik Wee berasa amat terkejut apabila menerima sepucuk_____.
- A surat layang
 - B surat sumpah
 - C surat khabar
 - D surat rasmi
15. Wajah kakak kelihatan berseri-seri apabila memakai se _____ anting-anting pemberian ibu.
- A buah
 - B rawan
 - C biji
 - D pasang
16. I. Bunga tayar kereta ayah telah haus.
II. Bunga bakatnya mula dikesan sejak kecil lagi.
III. Semua tetamu diberi bunga telur sebelum pulang.
IV. Emak menanam pelbagai pokok bunga di halaman rumah.
- A I dan IV
 - B II dan III
 - C II, III dan IV
 - D I, III dan IV

Soalan 17 hingga Soalan 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Majlis Perkahwinan Anak Jiran Saya.

Pada minggu yang lepas jiran Mohan, Encik Rahmat, telah mengadakan majlis perkahwinan anaknya. Suasana majlis itu amat meriah. Banyak tetamu yang hadir di majlis itu.

Encik Rahmat kekurangan tempat meletak kereta kerana kawasan rumahnya sempit. Mujurlah Encik Dharmaraj dan jiran-jirannya membenarkan kawasan rumah mereka dijadikan tempat letak kereta.

Sebelum majlis berlangsung, Encik Rahmat telah mendapat keizinan daripada jiran-jiran lain untuk menutup jalan kerana hendak mendirikan khemah. Selain itu, mereka turut sama membantu Encik Rahmat mendirikan dan menghiaskan khemah tersebut.

17. Siapakah yang mengadakan majlis perkahwinan?

- A Mohan
- B Encik Dharmaraj
- C Encik Rahmat
- D Jiran-jiran

18. Apakah masalah yang dihadapi Encik Rahmat?

- A Kekurangan tempat meletak kenderaan
- B Tidak boleh menutup jalan
- C Tiada tempat untuk mendirikan khemah
- D Tidak dapat menghias khemah

19. Apakah majlis yang diadakan oleh Encik Rahmat?

- A Menjual khemah
- B Membina tempat meletak kenderaan
- C Menjual kereta
- D Perkahwinan anaknya

20. Pada pendapat kamu, bagaimanakah sikap jiran-jiran Encik Rahmat?

- A Sombong
- B Suka menolong
- C Tidak suka menolong
- D Pamarah